

28 SEP 2001

Mahathir-Sabah

MUSA AMAN DILANTIK KETUA PERHUBUNGAN UMNO SABAH

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Menteri Kewangan Sabah Datuk Musa Aman dilantik sebagai Ketua Pehubungan Umno Sabah yang baru.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan bahawa Musa, yang juga Bendahari Umno Sabah, akan menggantikan Datuk Osu Haji Sukam.

Bagaimanapun, beliau tidak menyebut bila pelantikan itu berkuatkuasa.

"Kita ucap terima kasih kepada Datuk Osu dan kita akan sampaikan keputusan ini kepada Datuk Musa," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini.

Pelantikan itu diputuskan oleh MT pada mesyuarat hari ini.

Dr Mahathir juga mengumumkan pelantikan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno Pahang menggantikan Tan Sri Khalil Yaakob.

"Kita berkehendakkan Khalil supaya menumpukan masa kepada Kementerian Penerangan yang kita anggap amat penting dan menumpukan masa kepada kerja setiausaha agung (Umno) kerana kita akan tingkatkan kegiatan Umno.

"Bukanlah bermakna Menteri Pertahanan tak begitu penting," katanya secara berseloroh.

Perdana Menteri juga berkata MT berasa gembira dengan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya Sarawak semalam dan akan menghantar surat tahniah kepada pengerusi BN Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud atas kejayaan itu.

Beliau berkata kegagalan PAS dan Parti Keadilan Nasional untuk menapak di Sarawak dalam pilihan raya itu merupakan petanda baik kepada masa depan BN dan MT berpuas hati kerana kedua-dua parti pembangkang itu telah ditolak bulat-bulat di Sarawak.

-- BERNAMA

AFY AFY NAK